



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



# LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM & MUET** **2020**

Usuluddin (931)



## **KANDUNGAN**

Usuluddin (931/1) .....	<b>1 – 3</b>
Usuluddin (931/2) .....	<b>5 – 8</b>
Usuluddin (931/3) .....	<b>9 – 11</b>

# USULUDDIN (931/1)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 1 143 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 83.29% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	14.09	9.62	6.65	12.07	15.05	16.10	9.71	4.11	4.99	2.80	4.81

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik, calon tidak dapat memberikan dalil dengan tepat, dan calon memberikan fakta yang tidak tepat.

### Komen soalan demi soalan

#### Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon memberikan dua ciri akidah Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara ciri akidah Islam ialah keyakinan yang jitu di dalam hati manusia tentang rukun Iman, akidah yang datang daripada Allah SWT, akidah yang disertakan dengan dalil dan bukti, dan lain-lain lagi.

Soalan 1(b) menghendaki calon menjelaskan sebab agama Islam merupakan agama yang bertepatan dengan fitrah manusia. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon hanya memberikan jawapan secara umum sahaja, tanpa menghubung kait jawapan tersebut dengan fitrah manusia. Antara jawapan yang perlu diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

1. Agama Islam suci daripada unsur syirik. Akal manusia juga menolak perbuatan menyembah pokok, kubur, patung, benda yang lemah, dan sebagainya. Perkara ini membuktikan Islam adalah agama yang sesuai dengan fitrah kerana ajarannya selari dengan logik akal.
2. Islam menggariskan sistem hidup yang meraikan fitrah manusia dalam semua aspek seperti fizikal, spiritual, ekonomi, sistem akhlak, perundangan, dan sebagainya. Islam menawarkan peraturan yang mengisi jiwa manusia dengan ketenangan dan kepuasan hidup yang selari dengan fitrah manusia.
3. Agama Islam mendorong manusia melakukan kebaikan, kasih sayang, dan saling membantu dalam melakukan kebajikan. Dorongan ini tepat dengan fitrah manusia yang suci.

4. Agama Islam menekankan ketinggian akhlak dan menjadikannya sebagai teras dalam kehidupan dalam masyarakat. Islam merupakan agama yang sesuai dengan fitrah manusia yang mengambil berat soal memelihara hati dan perasaan anggota masyarakat.
5. Agama Islam mengiktiraf hak asasi manusia selagi ia tidak memudarangkan mana-mana pihak. Islam mengiktiraf perkahwinan tetapi mengharamkan segala bentuk hubungan luar tabiat yang ternyata bertentangan dengan fitrah manusia.

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan peranan akidah dalam menangani gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah akidah mewujudkan perasaan tidak mudah putus asa dan lemah semangat, membina individu yang terkawal perilaku, melahirkan individu yang mempunyai kemantapan jiwa dan tidak mudah dipengaruhi oleh unsur yang tidak baik, dan lain-lain lagi.

## **Soalan 2**

Soalan 2(a) menghendaki calon menyatakan empat ciri nabi dan rasul menurut al-Quran. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah lelaki, berilmu, mempunyai akhlak yang mulia, menerima wahyu daripada Allah SWT, dan lain-lain lagi.

Soalan 2(b) menghendaki calon menjelaskan empat perbezaan antara nabi dengan rasul. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Aspek perbezaan tersebut adalah daripada aspek bidang tugas, cabaran yang diterima, syariat yang dibawa, bilangan, pelantikan, dan lain-lain lagi.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan matlamat pengutusan nabi dan rasul. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara matlamat tersebut ialah mengajar manusia cara beribadah, mengajak manusia untuk mentauhidkan Allah SWT, menunjukkan manusia ke jalan yang benar, memberikan peringatan dan amaran tentang balasan buruk yang bakal diterima oleh manusia, membawa berita gembira kepada mereka yang beriman, dan lain-lain lagi.

## **Soalan 3**

Soalan 3(a) menghendaki calon memberikan empat contoh akidah yang batil yang terdapat dalam al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah ajaran Yahudi, Nasrani, *Musyrik*, Majusi, dan sebagainya.

Soalan 3(b)(i) menghendaki calon menghuraikan perkara batil yang terdapat pada petikan ayat al-Quran yang diberikan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ciri kebatilan yang terdapat dalam ayat tersebut ialah pernyataan Nabi Isa AS merupakan anak kepada Allah SWT, konsep trinity, konsep ketuhanan *Ruh al-Quddus*, penyembahan berhala, dan penyembahan cakerawala.

Soalan 3(b)(ii) menghendaki calon memberikan dua ayat al-Quran yang mengisbatkan kebatilan dan menjelaskannya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara ayat yang diberikan oleh calon ialah ayat 1 daripada surah al-Ikhlas, ayat 101 - 102 daripada surah al-An'am, dan ayat 22 daripada surah al-Anbiya'.

## **Soalan 4**

Soalan 4(a) menghendaki calon menyatakan dua kandungan *sam'iyyat*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kandungan *sam'iyyat* ialah alam *barzakh*, syurga, neraka, *mizan*, dan lain-lain lagi.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan pembalasan di akhirat mengikut pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon perlu menjelaskan peringkat pembalasan yang akan dilalui oleh manusia di akhirat nanti, iaitu bermula daripada padang mahsyar sehingga manusia diberikan pembalasan sama ada syurga atau neraka.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan kepentingan pembalasan di akhirat kepada manusia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kepentingan tersebut ialah sebagai pengiktirafan kepada keadilan dan kesempurnaan Allah SWT, sebagai dorongan dan rangsangan kepada manusia untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahanatan, membuktikan bahawa erti kebahagian hakiki bukanlah dalam makna keseronokan jasmani, dan lain-lain lagi.

## Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menjelaskan maksud sekularisme. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sekularisme ialah satu fahaman yang menganggap bahawa urusan agama dan ketuhanan perlu dipisahkan dengan urusan keduniaan.

Soalan 5(b) menghendaki calon menerangkan sejarah kemunculan sekularisme. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sekularisme bermula pada zaman pertengahan Barat (*Renaissance*). Kemudian, ia berkembang apabila berlakunya pertentangan antara gereja dengan sains. Pada dunia Islam pula, sekularisme berkembang semasa pemerintahan Kamal Attartuk di Turki.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan pemikiran sekularisme yang bertentangan dengan akidah Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara pemikiran sekularisme yang bertentangan dengan akidah Islam ialah tidak mementingkan Tuhan, penilaian baik dan buruk terhadap sesuatu perkara ditentukan oleh akal manusia, menganggap bahawa alam ini terjadi melalui fenomena sains dan kimia, dan lain-lain lagi.

# USULUDDIN (931/2)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 1 122 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 74.44% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	9.54	6.60	7.58	10.52	14.26	14.44	11.50	4.10	6.33	5.88	9.27

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik, calon tidak memberikan dalil yang tepat, dan calon memberikan fakta yang tidak tepat.

### Komen soalan demi soalan

#### BAHAGIAN A: Ulum al-Quran

##### Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menamakan dua orang sahabat Rasulullah SAW yang terlibat dalam penulisan *Mashaf Uthmaniah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sahabat Rasulullah SAW yang terlibat dalam penulisan *Mashaf Uthmaniah* ialah Zaid bin Thabit, Abdullah bin al-Zubair, Said bin al-As, dan Abd Rahman bin Harith bin Hisyam.

Soalan 1(b) menghendaki calon menjelaskan empat faktor perselisihan bacaan yang berlaku pada zaman Sayyidina Uthman bin Affan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah faktor pemelukan orang Arab ke dalam agama Islam, faktor al-Quran yang diturunkan dalam tujuh huruf, sikap terlalu taksub terhadap guru-guru yang mengajar sehingga tidak dapat menerima bacaan daripada orang lain, belum ada *mashaf* rasmi yang boleh dijadikan panduan umat Islam, dan lain-lain lagi.

Soalan 1(c) menghendaki calon menjelaskan cara memartabatkan al-Quran dalam kalangan generasi kini. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan contoh dan huraian dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah pihak berwajib perlu mewajibkan pengajaran al-Quran kepada semua murid yang beragama Islam, memperbanyakkan kelas pengajian al-Quran di masjid dan *madrasah*, pemberian insentif tambahan kepada para penghafaz al-Quran, memperbanyakkan program berteraskan al-Quran di media massa, dan lain-lain lagi.

## Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menjelaskan pengertian *i'jaz al-Quran*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *I'jaz al-Quran* ialah tahap kedudukan yang tinggi yang diletakkan oleh al-Quran sehingga melemahkan kebolehan dan kemampuan manusia untuk mengemukakan sesuatu yang sebandingnya, sama ada daripada sudut *balaghah*, pensyariatan, atau perkara ghaib.

Soalan 2(b) menghendaki calon menerangkan *i'jaz al-Quran* dari aspek isi kandungan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat calon yang mampu memberikan dalil bagi menyokong hujah yang diberikan. *I'jaz al-Quran* daripada aspek isi kandungan merangkumi peristiwa dan kisah yang telah berlaku pada masa lampau sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW, seperti kisah *ashab al-kahfi*, ayat serta surah yang terdapat di dalam al-Quran mempunyai hubung kait antara satu dengan yang lain dan tiada percanggahan, berita berkaitan dengan alam ghaib dan perkara *sam'iyyat*, dan isi kandungan al-Quran mencakupi segala bidang yang berkaitan dengan dunia dan akhirat.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan aspek *i'jaz 'ilmiy* yang terdapat dalam al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon hanya membincangkan konsep *i'jaz 'ilmiy* secara umum sahaja. Bagi menjawab soalan ini, calon perlu mengkhususkan *i'jaz 'ilmiy* yang terdapat dalam sesebuah ayat al-Quran dari bidang sains seperti fizik, biologi, dan sebagainya.

## Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon memerihalkan pentafsiran al-Quran yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah proses pentafsiran al-Quran pada zaman Rasulullah SAW hanya berjalan secara lisan, pentafsiran pada masa itu masih belum dibukukan, para sahabat memahami al-Quran melalui pengajaran dan penerangan daripada Rasulullah SAW sahaja, dan para sahabat mengemukakan persoalan yang mereka hadapi secara langsung kepada Rasulullah SAW.

Soalan 3(b) menghendaki calon menerangkan empat kepentingan ilmu tafsir terhadap masyarakat Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kepentingan ilmu tafsir terhadap masyarakat Islam ialah dapat memahami makna-makna al-Quran dengan baik, dapat mengelakkan pemahaman yang menyeleweng, dapat menyelesaikan masalah kehidupan manusia dari pelbagai aspek, dan dapat mengetahui syarat yang diperlukan oleh seseorang *mufassir* dalam melakukan pentafsiran terhadap al-Quran.

Soalan 3(c) menghendaki calon menjelaskan perbezaan antara tafsir dengan takwil dengan memberikan dua contoh ayat al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Contoh jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah melalui ayat 2 daripada surah al-Baqarah. Pentafsiran al-Quran merujuk kepada tiada sebarang keraguan di dalamnya, manakala takwil merujuk kepada tiada sebarang keraguan dalam kalangan orang yang beriman. Contoh lain ialah melalui ayat 95 daripada surah al-An'am. Pentafsiran al-Quran merujuk kepada Allah SWT mengeluarkan sesuatu yang bernyawa (burung) daripada sesuatu yang tidak bernyawa (telur), manakala takwil merujuk kepada Allah SWT mengeluarkan orang yang berilmu daripada orang yang bodoh.

## BAHAGIAN B: *Ulum al-Hadis*

### Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon memerihalkan pertumbuhan *Ulum al-Hadis* pada zaman Rasulullah SAW. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah para sahabat mempelajari hadis secara terus daripada Rasulullah SAW, para sahabat memperoleh hadis melalui majlis ilmu yang disampaikan oleh Rasulullah SAW, Rasulullah SAW melarang penulisan hadis, para sahabat akan mengamalkan sepenuhnya hadis yang diterima daripada Rasulullah SAW, dan lain-lain lagi.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan empat metode yang digunakan oleh para sahabat dalam meriwayatkan hadis. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat segelintir calon yang memberikan metode penyusunan hadis yang digunakan oleh para tabiin sebagai jawapan, seperti *masanid*, *maajim*, dan sebagainya. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah mengambil langkah berhati-hati dan mengurangkan periwayatan hadis, begitu teliti dalam menerima dan meriwayatkan hadis, mensyaratkan pensaksian sebagai bukti periwayatan hadis, dan mengehadkan kepada seseorang yang benar-benar *thiqah* sahaja untuk mendengar hadis.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan kepentingan mempelajari *Ulum al-Hadis*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah sesebuah hadis itu dapat dikenali sama ada benar-benar hadis daripada Rasulullah SAW ataupun hadis palsu, dapat mengetahui kategori sesebuah hadis berdasarkan jumlah perawinya, mengenal pasti sifat perawi, mampu mengatasi permasalahan dalam memahami sesebuah hadis yang *mukhtalaf*, dan lain-lain lagi.

### Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menerangkan pengertian *hadis ahad*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Hadis ahad* ialah hadis yang diriwayatkan oleh seorang atau dua orang perawi atau lebih, tetapi tidak memenuhi syarat *hadis mutawatir*.

Soalan 5(b) menghendaki calon menghuraikan pembahagian *hadis mutawatir* berserta dengan contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan contoh hadis dengan baik. *Hadis mutawatir* terbahagi kepada dua bahagian, iaitu *hadis mutawatir lafzi* dan *hadis mutawatir maknawi*. *Hadis mutawatir lafzi* ialah hadis yang diriwayatkan secara *mutawatir* oleh para periwayat yang ramai pada setiap *tabaqat* dengan keadaan lafaz dan makna yang sama. *Hadis mutawatir maknawi* ialah hadis yang diriwayatkan secara *mutawatir* pada setiap *tabaqat* periwayatannya secara maknanya sahaja, yang mana perawinya berbeza dalam menyusun kandungan perkhabaran.

Soalan 5(c) menghendaki calon menjelaskan bahagian *hadis ahad* dan hukum beramal dengannya. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Hadis ahad* terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu *hadis masyhur*, *hadis aziz*, dan *hadis gharib*. *Hadis masyhur* ialah hadis yang diriwayatkan oleh tiga orang perawi dan ke atas dalam setiap *tabaqat*. *Hadis aziz* ialah hadis yang diriwayatkan oleh dua orang perawi pada setiap *tabaqat*. *Hadis gharib* pula ialah ialah hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja dari awal *tabaqat*. Hukum beramal dengan ketiga-tiga bahagian *hadis ahad* ialah harus sekiranya hadis tersebut *sahih* atau *hasan*, dan tidak harus sekiranya hadis tersebut *dhaif* atau *mawdu'*.

## **Soalan 6**

Soalan 6(a) menghendaki calon menggalurkan sejarah kemunculan antihadis di Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antihadis di Malaysia mula muncul pada 1986 dan dipelopori oleh Dr. Kassim Ahmad. Beliau telah menulis buku bertajuk '*Hadis: Satu Penilaian Semula*'. Beliau menubuhkan Jamaah Ahli Quran Malaysia (JAM) dan kemudiannya aliran ini diharamkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

Soalan 6(b) menghendaki calon menjelaskan empat fahaman golongan antihadis. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah golongan antihadis hanya menerima al-Quran sebagai sumber hukum dan perundangan, hadis merupakan karya rekaan, percaya bahawa hadis merupakan punca perpecahan ummat, tiada ketataan kepada Rasulullah SAW, dan lain-lain lagi.

Soalan 6(c) menghendaki calon menyangkal dakwaan golongan antihadis yang mendakwa bahawa al-Quran tidak memerlukan hadis. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara hujah yang diberikan oleh calon ialah hadis berperanan sebagai penyokong kepada al-Quran, hadis diperlukan sebagai penjelas kepada hukum yang bersifat umum yang terdapat dalam al-Quran, hadis membawa hukum baharu yang tidak terdapat di dalam al-Quran, dan lain-lain lagi.

# USULUDDIN (931/3)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 1121 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 64.69% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	11.60	5.89	4.73	6.78	13.65	10.44	11.60	6.16	5.89	5.00	18.29

## RESPONS CALON

### **Komen am**

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik dan calon tidak memberikan fakta yang tepat.

### **Komen soalan demi soalan**

#### **Soalan 1**

Soalan 1(a) menghendaki calon memberikan empat peranan ilmu mantik dalam falsafah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat calon yang hanya memberikan peranan ilmu mantik secara umum tanpa menghubungkait peranan tersebut dengan falsafah. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah ilmu mantik berperanan sebagai landasan kepada ahli falsafah dalam menentukan kesahihan sesuatu perkara dan ilmu mantik mengawal cara ahli falsafah berfikir supaya mereka tidak tersalah semasa berfikir. Selain itu, ilmu mantik mengajar ahli falsafah tentang cara menyusun, membina dalil, dan mendefinisikan sesuatu perkara.

Soalan 1(b) menghendaki calon menjelaskan hukum-hukum mempelajari ilmu mantik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Pandangan pertama, iaitu daripada al-Ghazali, al-Farabi, Ibn Rushd, dan Ibn Khaldun mengharuskan pembelajaran ilmu mantik kerana ia berfungsi sebagai pengantar bagi memahami sesuatu perkara. Pandangan kedua pula menolak atau mengharangkan pembelajaran ilmu mantik kerana ia bertentangan dengan apa yang digariskan oleh al-Quran dan al-Hadis. Pandangan ketiga pula mengharuskan mempelajari ilmu mantik, tetapi bersyarat, iaitu seseorang itu mestilah mempunyai akal yang berupaya memahami ilmu mantik, dan ilmu mantik mestilah digunakan untuk kebaikan agama.

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan justifikasi penolakan ilmu mantik oleh para ulama. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah ilmu mantik berasal daripada sumber Greek dan Yunani, ilmu mantik bercampur dengan doktrin yang bertentangan dengan Islam, ilmu mantik menimbulkan keraguan dalam agama, ilmu mantik membawa kepada perpecahan, dan lain-lain lagi.

## Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menjelaskan pengertian *dilalah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Dilalah* ialah memahami sesuatu perkara daripada sesuatu yang lain. Ia terdiri daripada *dal* dan *madlul*.

Soalan 2(b) menghendaki calon menerangkan *dilalah* yang diguna pakai dalam ilmu mantik berserta dengan contoh. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah *dilalah* yang diguna pakai dalam ilmu mantik ialah *dilalah lafziyyah wad'iyyah*. *Dilalah* ini terbahagi kepada tiga, iaitu *dilalah lafziyyah wad'iyyah mutabaqah*, *dilalah lafziyyah wad'iyyah tadamuniyyah*, dan *dilalah lafziyyah wad'iyyah iltizamiyyah*. *Dilalah lafziyyah wad'iyyah mutabaqah* ialah lafaz yang menunjukkan makna yang penuh, seperti insan ialah haiwan *natiq*. *Dilalah lafziyyah wad'iyyah tadamuniyyah* ialah lafaz yang menunjukkan kepada separuh makna sesuatu perkara. *Dilalah lafziyyah wad'iyyah iltizamiyyah* pula ialah lafaz yang menunjukkan makna yang *lazim* bagi sesuatu perkara, seperti lafaz insan yang menunjukkan dia boleh belajar.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan kepentingan memahami konsep *dilalah* bagi membina takrif yang sempurna. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah setiap pentakrifan bergantung kepada *dilalah lafziyyah* yang digunakan, setiap pentakrifan yang sempurna hendaklah terdiri daripada dua lafaz yang menunjukkan kepada hakikat zat, takrif sesuatu tidak akan tepat bila salah memilih lafaz yang mempunyai *dilalah* yang berbeza, dan lain-lain lagi.

## Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menerangkan maksud *qadiyyah* dan bahagiannya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Qadiyyah* ialah pernyataan, susunan kata, atau ucapan yang membawa kemungkinan benar atau dusta. *Qadiyyah* terbahagi kepada dua, iaitu *hamliyyah* dan *syartiyah*.

Soalan 3(b) menghendaki calon membezakan antara *istidlal mubashir* dengan *istidlal ghayr mubashir*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara perbezaannya ialah *istidlal mubashir* menentusahkan fakta melalui sebuah pernyataan, manakala *istidlal ghayr mubashir* menentusahkan fakta melalui beberapa buah pernyataan sehingga mencapai keputusan yang dikehendaki. Selain itu, *istidlal mubashir* membicarakan *taqabul*, *akas mustawa*, dan *talazum bayna al-syartiyat*, manakala *istidlal ghayr mubashir* membicarakan *qiyas*, *istiqra'*, dan *tamthil*.

Soalan 3(c) menghendaki calon membina contoh bagi setiap jenis *qadiyyah* yang diberikan, iaitu *al-Kulliyah al-Mujabah*, *al-Juz'iyyah al-Mujabah*, *al-Kulliyah al-Salibah*, dan *al-Juz'iyyah al-Salibah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat membina contoh mengikut kehendak soalan.

## Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menjelaskan maksud *ta'mim al-hukm* berserta dengan contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Ta'mim al-hukm* ialah proses generalisasi terhadap sesuatu perkara atau peristiwa dengan menggunakan kaedah yang tertentu.

Soalan 4(b) menghendaki calon menerangkan empat syarat *ta'mim al-hukm*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat calon yang memberikan syarat *mulahazah* dan *tajribah* sebagai jawapan. Antara syarat *ta'mim al-hukm* ialah terdapat *sighah* yang tepat, jelas, dan berasaskan kenyataan, huraian *sighah* meliputi semua fenomena tanpa sebarang pengecualian, teori tidak terjejas dengan perubahan masa dan tepat, teori yang dicapai memperakarkan apa yang sebenarnya berlaku, dan teori yang dicapai tidak bertentangan dengan prinsip ilmu.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan kepentingan *ta'mim al-hukm* dalam penyelidikan ilmiah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah *ta'mim al-hukm* menjelaskan hasil objektif bagi sesbuah kajian yang dilakukan, ia memberikan impak kajian, ia menjadi pencetus wujudnya rancangan kajian yang baharu, dan lain-lain lagi.

## Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon memerihalkan biodata ringkas Ibn Sina. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan nama penuh, tempat lahir, tarikh lahir dan tarikh meninggal, dan ketokohan beliau dengan tepat.

Soalan 5(b) menghendaki calon menjelaskan sebab Ibn Sina digelar sebagai *al-Syeikh al-Rais*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ibn Sina digelar *al-Syeikh al-Rais* kerana beliau menduduki kedudukan yang tinggi dalam bidang ilmu mantik sehingga digelar guru ketiga selepas Aristotle dan al-Farabi, beliau mengembangkan ilmu mantik daripada tokoh Greek selepas kematian al-Farabi, beliau banyak menghasilkan karya mantik yang digunakan sehingga kini, beliau merupakan pelopor awal yang mengembangkan istilah mantik dalam bahasa Arab, dan idea Ibn Sina menjadi pemangkin wujudnya ilmu mantik Islam.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan pemikiran mantik Ibn Sina dalam *Kitab al-Isharat wa al-Tanbihat*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah seperti yang berikut:

1. Ibn Sina berpendapat bahawa mantik merupakan suatu alat mengawasi pemikiran manusia daripada tersilap dalam berfikir.
2. Ibn Sina melihat mantik sebagai alat intelektual yang sesuai untuk digunakan bagi membahaskan ilmu yang bersifat teoritis.
3. Ibn Sina mengumpamakan kedudukan ilmu mantik sebagai alat untuk menilai ketepatan fikiran manusia.
4. Ilmu mantik diperlukan bagi melengkapkan ilmu pengetahuan yang terdapat pada individu.

# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2020



**SASBADI SDN. BHD.** 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)  
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,  
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199  
Laman web: [www.sasbadisb.com](http://www.sasbadisb.com) E-mel: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488  
Laman web: [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my) E-mel: [ppa@mpm.edu.my](mailto:ppa@mpm.edu.my)